

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR SITI HASMAH BTE HJ MOHD ALI
DI MAJLIS JASAMU DIKENANG
KEMPEN HARI PAHLAWAN 1998
DI HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI RABU, 30 SEPTEMBER 1998
JAM 4.00 PETANG**

Bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya telah dapat kita hadir di Majlis Jasamu DiKenang Kempen Hari Pahlawan 1998 anjuran Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM). Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada PBTM kerana mengundang saya ke majlis ini yang bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada para dermawan-dermawan yang telah bermurah hati menyumbang kepada Tabung Kempen Hari Pahlawan dan untuk menyampaikan bantuan kebajikan kepada mereka yang memerlukan.

2. Walaupun keadaan ekonomi negara didalam kesulitan, namun ada juga insan, walaupun telah turut terjejas sama dengan keadaan ini, dengan penuh ikhlas dan keinsafan telah juga menghulurkan sumbangan kepada Tabung ini.

3. Dengan penuh rasa kesyukuran, saya merakamkan ucapan terima kasih diatas keikhlasan dermawan-dermawan yang telah menyumbang untuk mengisi Tabung Kempen Hari Pahlawan. Kepada para dermawan yang terdiri dari golongan murid-murid sekolah yang telah menjadi penyumbang tradisi, walaupun mereka hanya berupaya menyumbang dengan jumlah yang kecil, namun jika dihimpunkan sumbangan mereka seluruh negara, murid-murid sekolah adalah merupakan penyumbang yang tertinggi setiap tahun kepada Kempen Hari Pahlawan. Kepada Kementerian Pendidikan, Pengarah-Pengarah

Pendidikan dari pelbagai peringkat, pengetua-pengetua, guru-guru besar dan guru-guru yang telah memainkan peranan untuk menyelaraskan kutipan ini, syabas saya ucapkan.

4. Usaha-usaha yang anda laksanakan telah berjaya mendidik murid-murid sekolah supaya timbul sifat kesedaran, keinsafan di samping menanam sifat pemurah. Memang wajarlah dari kecil lagi mereka patut diasuh supaya menunjukkan sifat kasih sayang dan mengenang budi terhadap mereka yang telah berjuang mempertahankan tanah air tercinta ini. Sifat-sifat ini kelak akan dapat membentuk mereka menjadi ummah yang mulia apabila mereka dewasa kelak dan mempunyai semangat untuk mempertahankan kedaulatan negara dari segala apa jua ancaman.

5. Kepada penyumbang-penyumbang perseorangan dan yang mewakili Kementerian-Kementerian, agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta, usaha murni ini amatlah kita hargai. Saya percaya walaupun organisasi tersebut terjejas dengan kegawatan ekonomi semasa, namun tetap juga menghulurkan sumbangan. Mereka berbuat demikian, kerana hati dan nurani mereka telahpun disemai dengan sifat-sifat yang mulia. Mereka juga memang telahpun sedia maklum bahawa keamanan, kemakmuran dan keharmonian negara yang kita kecapai sekarang adalah hasil dari keringat dan tumpahan darah para pahlawan yang lalu.

6. Mereka yang telah kecundang di medan perjuangan telah meninggalkan balu dan anak-anak yang amat memerlukan bantuan. Manakala mereka yang tercedera dan cacat, tidaklah adil jika melihat kemakmuran negara hanya dinikmati oleh mereka yang berupaya sahaja. Adalah menjadi tanggungjawab kita, rakyat Malaysia untuk membela nasib mereka pula. Pembelaan dan bantuan yang mereka perlukan bukanlah sekadar merakamkan penghargaan, kerana itu sahaja tidak akan dapat membantu keadaan mereka. Oleh itu sumbangan yang anda semua hulurkan itu adalah amat besar ertinya kepada mereka.

7. Diatas keprihatinan para dermawan sekelian, dan mereka yang telah mengusahakan untuk mendapatkan sumbangan, kami semua amatlah terhutang budi dan mengucapkan jutaan terima kasih. Kami berdoa semoga kehidupan anda semua dilimpahi rahmat dan rezeki Allah di muka bumi ini dan akan mendapat balasan kebaikan di akhirat kelak.

8. Semoga Allah s.w.t. memberkati majlis ini.
